

**UCAPAN PRESIDEN MUIS
HJ MOHD ALAMI MUSA
DI PELANCARAN SENTUHAN RAMADAN
MASJID AL-ISTIGHFAR
30 JUL 2011**

Sentuhan Ramadan merupakan inisiatif di peringkat masjid. Ia dilaksanakan bersama masjid-masjid kita dengan sokongan Muis. “Sentuhan Ramadan” telah diadakan setiap tahun. Ia telah berjaya memaksimumkan kesan bulan Ramadan ke atas masyarakat Islam. Justeru itu, masjid-masjid kita telah mengambil keputusan untuk terus menganjurkannya.

2 Tahun ini “Sentuhan Ramadan” dipimpin oleh kelompok masjid kawasan tengah. Tema yang dipilih adalah “Hidupkan Ramadan dengan cahaya Al-Quran”.

3 Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Jawatankuasa “Sentuhan Ramadan” kerana telah memilih tema yang begitu cukup sekali dengan semangat bulan Ramadan.

4 Kitab suci Al-Quran diturunkan pada bulan Ramadan. Oleh kerana itu, sambutan bulan Ramadan disemarakkan dan kemuliaan bulan Ramadhan ditambahkan lagi dengan turunnya Al-Quran.

5 Kita sedia maklum bahawa kitab suci Al-Quran merupakan mukjizat terbesar yang Allah (swt) telah kurniakan kepada Rasulullah (saw).

6 Oleh kerana itu, umat Islam digalakkan untuk membaca, menghafal, menghayati dan lebih penting lagi mengamalkan isi kandungan Al-Quran. Seni untuk menulis ayat-ayat Al-Quran juga digalakkan. Ini semua adalah untuk kita merasai keunggulan dan keindahan kitab Al-Quran sebagai melambangkan keagungan Tuhan Yang Maha Esa.

7 Kita sedia maklum bahawa pembacaan ayat-ayat suci Al-Quran mempunyai daya kuasa yang luar biasa untuk melembutkan hati insan dan mengakui ke Esaan Allah dan ke Rasulan Nabi Muhammad (saw). Ramai sahabat termasuk, Saydina Umar (ra) yang begitu benci dengan Rasulullah (saw) dilembutkan hati-hati mereka apabila mendengar bacaan ayat-ayat Al-Quran sehingga mereka memeluk agama Islam.

8 Tambahan lagi, menghafal ayat-ayat Al-Quran telah menjadi kebiasaan di zaman awal Islam. Oleh kerana ayat-ayat Al-Quran diwahyukan secara lisan dan disampaikan secara lisan, penghafalan menjadi amat perlu. Ini akan memastikan supaya ayat-ayat Al-Quran dipelihara dari segi ketepatan. Ayat-ayat Al-Quran juga diabadikan para sahabat melalui pengamalan mereka dalam kehidupan seharian mereka dan dalam hubungan mereka dengan manusia dan ciptaan Allah yang lain.

9 Usaha untuk mengumpulkan catitan dan tulisan Al-Quran dimulakan pada zaman Saydina Abu Bakar (ra) dan telah diluaskan lagi pada zaman Saydina Osman (ra). Selepas itu, seni untuk

menulis Al-Quran terus dikembangkan. Usaha untuk menghasilkan penulisan ayat-ayat Al-Quran dengan tahap kreatif yang tertinggi merupakan usaha pengabdian insan kepada Allah (swt).

10 Alhamdulillah, kita di Singapura mengamalkan kesemua ini – pembacaan, penghafalan dan penulisan sebagai seni. Masjid-masjid kita giat menganjurkan kelas-kelas membaca Al-Quran. Mereka juga mengadakan majlis tadarus Al-Quran sepanjang Ramadan. Ada juga beberapa badan yang telah menyumbang kepada peningkatan mutu pembacaan Al-Quran. Kebolehan para Qari dan Qariah kita telah meningkat. Baru pada minggu lepas, Qariah negara kita, Cik Nur Azizah binte Sholichin telah berjaya mendapat tempat ketiga di Tilawah Peringkat Antarabangsa yang berlangsung di Kuala Lumpur. Ini adalah pencapaian yang tinggi dan beliau telah mengharumkan nama negara kita. Bagi pihak Muis, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Cik Nur Azizah bte Sholichin.

11 Bagi penghafalan, kita juga tidak ketinggalan. Buat masa ini, terdapat 14 buah masjid yang telah menawarkan kursus tahfiz. Darul Quran kendalian Masjid Kampung Siglap telah membangunkan lebih dari 20 orang huffaz dan mereka mempunyai sekitar 500 pelajar tahfiz.

12 Darul Quran telah juga menghasilkan mushaf Al-Quran Singapura. Ia unik oleh kerana seni hias bagi penulisan Al-Quran ini menggunakan motif-motif seni yang melambangkan ciri-ciri keSingapuraan.

13 Amalan pembacaan, penghafalan dan penulisan Al-Quran sebagai seni adalah penting dan perlu terus di kembangkan. Amalan-amalan ini akan memberi ganjaran yang banyak dari Allah (swt). Tetapi kita tidak boleh berhenti di situ dan mengabaikan usaha untuk memahami dan menghayati isi kandungan Al-Quran. Dengan memahami kandungan Al-Quran, kita boleh menghayati dan mengabadikan norma-norma, nilai-nilai dan prinsip-prinsip yang melandasi ayat-ayat Al-Quran di dalam kehidupan serta keperibadian kita.

14 Saya telah difahamkan oleh Jawatankuasa Penganjur bahawa Sentuhan Ramadan tahun ini akan memberi fokus kepada galakkan untuk memahami isi kandungan Al-Quran. Beberapa usaha akan dilakukan. Dengan kerjasama Pejabat Mufti, program “Hikmah Ramadan” yang disiarkan di stesen Radio Warna setiap hari sebelum berbuka dan tazkirah selepas solat terawih di masjid-masjid akan menyentuh perkara ini dan akan menggalakkan umat Islam menyelami isi kandungan Al-Quran.

15 Kita akan juga berusaha untuk mencungkil minat golongan muda supaya mereka melihat Al-Quran sebagai kitab sumber ilmu, penerangan, penjelasan, pembuka minda dan inspirasi. “Cabaran Belia Ramadan” yang khusus bagi belia akan membimbing golongan muda kita supaya menerima Al-Quran sebagai teman mereka yang mudah digarab maknanya dan yang memberi banyak panduan.

16 Untuk menarik golongan belia dan penyertaan umum secara lebih luas, “Sentuhan Ramadan” kali ini akan memanfaatkan teknologi Media Baru seperti ciptaan Aplikasi Mobile untuk Telefon Bijak oleh Pejabat Mufti dan Unit Zakat Muis yang telah anda saksikan awal tadi. Kita juga telah mendirikan laman web khas, *ramadan.sg*, akaun Facebook dan Twitter yang menawarkan berbagai informasi dan khidmat yang boleh dimanfaatkan para pengunjung. Melalui kaedah “live streaming” pula, beberapa acara dalam “Sentuhan Ramadan” akan dipancarkan secara langsung di Internet. Majlis ini juga sedang disiarkan secara langsung sekarang di “Radio Ramadan”, saluran radio Internet 24 jam oleh para pelajar Madrasah Irsyad Al-Islamiah. Mereka sekarang sedang sibuk bertugas di hujung sana. Jadi sesiapa sahaja di dunia dapat bersama kita melancarkan majlis istimewa ini.

17 Pendek kata, Sentuhan Ramadan tahun ini akan menggalak masyarakat supaya tidak hanya sekadar rajin membaca atau menghafal AlQuran tetapi cuba untuk memahami isi kandungan Al-Quran. Kami ingin melihat masyarakat mengamalkan Islam lebih sekadar ritual dan cuba fahami serta menyelami pengertian sesuatu aspek agama.

18 InsyaAllah dengan ini, kehidupan beragama kita akan menjadi lebih kukuh lagi mendalam.

Sekian. Terima kasih.